

22/06/2001

Dr M bidas media asing tidak lapor kebenaran

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad membidas media asing kerana tidak melaporkan perkara benar mengenai Malaysia sehingga menyebabkan pelabur asing membuat keputusan yang salah.

Perdana Menteri berkata, media perlu sedar mereka mempunyai tanggungjawab kepada pelanggan masing-masing, yang membaca laporan dan membuat keputusan berdasarkan laporan itu.

"Apabila media memberitahu sesuatu yang tidak benar, mereka (pelabur) membuat keputusan yang salah dan akhirnya mereka sendiri akan rugi," katanya pada sidang akhbar pada akhir hari pertama Perhimpunan Agung Umno.

Dr Mahathir berkata, media asing perlu memberitahu Malaysia adalah negara menarik, aman dan ramai orang yang membuat keuntungan di negara ini.

"Inilah Malaysia. Datang ke Malaysia untuk melabur. Beritahu mereka perkara sebenar.

"Apabila tidak melaporkan perkara sebenar, mereka tidak datang dan tidak boleh membuat keuntungan," katanya.

Ditanya apakah Australia campur tangan apabila Menteri Luarnya, Alexander Downer menemui Ketua Pembangkang, Datuk Fadzil Noor, Perdana Menteri berkata:

"Ini adalah kesukaan mereka. Mereka sepatutnya menyelesaikan masalah penduduk pribumi Australia. Saya diberitahu di penjara Australia terdapat 17 penduduk pribumi daripada seorang kulit putih.

"Mengapa perkara ini berlaku? Mengapa tidak atasi masalah mereka sendiri. Di Malaysia, Orang Asli tidak dipenjarakan kerana mereka tidak melakukan jenayah."

Perdana Menteri berkata, tindakan pembangkang menemui pemimpin Australia menunjukkan orang berkulit perang meminta pertolongan orang kulit putih untuk menyelesaikan masalah seperti yang pernah dilakukan dulu.

"Kita kini hidup setanding dengan bangsa lain. Kita boleh menyelesaikan masalah kita sendiri," katanya.

(END)